

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

Laporan Program Transformasi Ekonomi & Program Transformasi Kerajaan 2012



MUHYIDDIN Yassin menyerahkan buku laporan GTP dan ETP 2011 kepada Najib Tun Razak di Angkasapuri, Kuala Lumpur pada 2 April, tahun lepas.

GTP dan ETP saling melengkapi

UM - 20/3/2013

Hubungan antara kedua-dua program menghasilkan perubahan ketara dalam kehidupan dan kerjaya rakyat

TAN Sri Muhyiddin Yassin berpandangan, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang melengkapi antara satu sama lain telah menghasilkan perubahan ketara dalam cara rakyat Malaysia hidup dan bekerja.

Timbalan Perdana Menteri berkata, GTP dan ETP menyentuh kehidupan rakyat di kawasan yang paling penting bagi mereka.

Beliau yang juga Pengerusi Pasukan Petugas Penyampaian GTP memberitahu, kedua-dua program itu pada masa yang sama mengubah cara asas Malaysia menyampaikan perkhidmatan awam.

"Ini seterusnya akan mengubah cara Malaysia menjalankan perniagaan dan merangsang kisah pembangunan ekonomi melalui ETP.

"Dengan kedua-dua program itu mencarta pencapaian utama sepanjang tahun, saya sungguh berbesar hati menyaksikan hubungan simbiotik di antara GTP dan ETP," katanya dalam Laporan Tahunan ETP 2012.

Muhyiddin juga amat gembira dan bangga dengan cara sektor perkhidmatan awam menyahut panggilan untuk melaksanakan perubahan.

Program-program perubahan memerlukan sokongan rakyat untuk membantu kerajaan memacu dan seterusnya memperbaiki serta mempertingkatkan lagi inisiatif-inisiatif tersebut

Beliau mengakui, GTP dan ETP akan kekal menjadi pelan semata-mata jika tidak dilaksanakan dengan jayanya oleh penjawat awam.

"Saya secara peribadi ingin mengucapkan terima kasih atas kerja keras mereka dalam menjadikan wawasan ini satu realiti yang berjaya," ujarnya.

Tambah Muhyiddin, program-program perubahan memerlukan sokongan rakyat untuk membantu kerajaan memacu dan seterusnya memperbaiki serta mempertingkatkan lagi inisiatif-inisiatif tersebut.

Sementara itu, dalam Laporan Tahunan GTP 2012, beliau berkata, infrastruktur dan sistem yang diwujudkan dalam tempoh dua tahun pertama pelaksanaan GTP mula membuahkan hasil tahun lalu.

Katanya, pembinaan komponen-komponen asas di dalam GTP telah disempurnakan dan rakyat akan

melihat lebih banyak transformasi dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun akan datang.

"Matlamat GTP 2.0 adalah untuk memperkukuhkan dan mendalamkan benih perubahan yang telah disemai sepanjang tiga tahun lalu.

"Sesungguhnya saya amat teruja untuk melihat bagaimana negara kita berkembang menjadi semakin matang dan maju," jelasnya.

Muhyiddin tidak menafikan pasti terdapat masalah permulaan atau 'teething issues' yang timbul dengan segala perubahan terutamanya pada peringkat akar umbi.

"Namun, keyakinan saya tidak pernah tergugat bahawa rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan untuk memastikan inisiatif yang digembleng ini membuahkan kejayaan seperti yang dihasratkan," ujarnya.

Kesan hubungan simbiotik GTP & ETP

→ Di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Kebangsaan, kerajaan memperincikan langkah-langkah tertentu dalam sistem pendidikan negara untuk memastikan daya saing antarabangsa graduan Malaysia. Tenaga kerja tempatan yang mahir akan meyakinkan syarikat multinasional bahawa mereka boleh mendapatkan bakat yang terbaik dengan keupayaan kreatif, industri dan pengurusan yang tepat.

→ Malaysia juga merupakan tempat yang lebih selamat hari ini kerana tahap jenayah telah menurun sebanyak 8.7 peratus lagi berdasarkan laporan Jenayah Indeks. Kerajaan juga melibatkan komuniti perniagaan dan masyarakat antarabangsa untuk mendapatkan maklum balas yang lebih besar tentang usaha meningkatkan tahap keselamatan.

→ Usaha kerajaan memerangi rasuah menyaksikan kedudukan Malaysia meningkat dari tempat ke-60 kepada ke-54 dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International. Ia merupakan satu peningkatan penting yang akan meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing untuk datang ke Malaysia. Pemilik perniagaan tanpa ragu juga akan turut gembira, kerana rasuah yang lebih rendah diterjemahkan kepada keadaan di mana ia menjadi lebih mudah untuk menjalankan perniagaan.

→ Bilangan aduan yang dibuat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat yang dikuatkuasakan baru-baru ini semakin bertambah. Ini menunjukkan bahawa orang ramai semakin proaktif dalam melaporkan rasuah. Perkembangan ini merupakan petanda baik dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif yang seterusnya memberi manfaat kepada negara dari perspektif sosial dan ekonomi.